



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 27 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PERKASAKAN AGROPRENEUR MUDA, NASIONAL, SINAR AHAD -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	'DAGING KARPET MERAH' BONGKAR RAHSIA KARTEL, MUKA DEPAN, SINAR AHAD -1	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	ISTILAH DAGING 'KARPET MERAH', SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -2	
4.	GESA TUBUH RCI SIASAT ISU KARTEL DAGING, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -3	
5.	WUJUD KONSORTIUM BEKAL DAGING HALAL, KATA PPIM, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -3	
6.	TELITI SALAH LAKU PROSES IMPORT DAGING, KATA ZULKIFLI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -3	
7.	MENJAMIN DAGING HALAL UNTUK RAKYAT, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -4	
8.	RAKYAT MALAYSIA GEMPAR ISU DAGING IMPORT HARAM, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -6	
9.	GUDANG KARTEL PROSES DAGING BABI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -6	
10.	KRONOLOGI ISU KARTEL SELUDUP DAGING SEJUK BEKU TAHUN 2020, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR AHAD -7	
11.	MISI LPP TINGKAT HASIL, NASIONAL, SINAR AHAD -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
12.	USAHAWAN MUDA MAMPU TINGKAT PENGELUARAN NANAS, NASIONAL, BH -15	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI perkasakan agropreneur muda



Ahmad (dua dari kanan) bersama Ahmad Maslan (kanan) dari Mohd Khaluzamri (dua dari kiri) ketika meninjau tanaman nanas di Kampung Parit Panjang Ayer Baloi, Pontian pada Khamis.

MAFI perkenalkan beberapa program perkasa sektor pertanian negara

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) semakin menampakkan hasil.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk

Seri Ahmad Hamzah berkata, sambutan yang diberikan terhadap program agropreneur muda cukup baik dan dibuktikan melalui kejayaan golongan itu dalam bidang ternakan kambing tenusu, penanaman cendawan, nanas MD2 dan sebagainya.

"Saya cukup teruja melihat kejayaan anak-anak muda dari Pontian menternak kambing tenusu dan menghasilkan produk susu kambing yang cukup membanggakan.

"Daripada kisah kejayaan ini, kementerian bersama agensi seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan sebagainya komited untuk terus menyokong dan mengatur lebih banyak strategi membantu usahawan muda berkenaan," katanya ketika

mengadakan Lawatan Kerja Agropreneur Muda ke daerah Pontian pada Khamis.

Hadir sama, Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan; Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh.

Sempena lawatan kerja itu, seramai 50 penerima geran di Johor menerima replika cek GAM berjumlah RM0.96 juta iaitu bantuan dalam bentuk barangan bernilai RM20,000.

Menurut Ahmad, sejak tahun 2016 sehingga kini, seramai 414 orang agropreneur muda di Johor telah menerima bantuan geran berjumlah RM7.54 juta.

"Pada tahun 2020, seramai 81 peserta agropreneur muda di Johor telah menerima GAM berjumlah kira-kira RM1.54 juta," katanya.

Kisah kejayaan orang muda

Sementara itu, Azulita berkata, paparan kisah orang muda yang terlibat dalam bidang pertanian dan penghasilan produk makanan dapat menarik lebih ramai golongan itu menceburi bidang yang menguntungkan ini.

"Saya ingin menarik lebih ramai orang muda menceburi



Ahmad (dua dari kiri) memetik cendawan tiram kelabu sambil diperhatikan Mohd Syazwan (kanan) di Kampung Lubuk Sipat, Benut, Pontian pada Khamis.

bidang pertanian yang sering dianggap kotor. Dengan paparan kejayaan ini, sudah tentu lebih ramai akan tertarik serai bidang pertanian.

"Menerusi program My Green Team di sekolah, pelajar-pelajar didedahkan dengan bidang pertanian. Kita juga menyediakan latihan selain daripada geran B40, agropreneur muda dan peladang muda," katanya.

Azulita berkata, pencapaian golongan muda yang telah mendapatkan latihan serta geran cukup membanggakan di mana produk pertanian dan makanan mereka sudah menembusi pasaran luar negara.

"Sekarang produk pertanian dan makanan sudah dipasarkan secara atas talian malah ada juga yang menjualnya menggunakan *cash on delivery* (COD) malah produk pertanian seperti cili kulai sudah dieksport ke Arab Saudi," katanya.

Bantuan beli peralatan

Penternak kambing tenusu di Kampung Parit Ismail Benut, Mohd Salehuddin Mohd Rashid, 28, berkata, dia mula menceburi bidang penternakan kambing pada tahun 2009.

"Bermula daripada baka kambing pedaging, bebiri dan kambing tenusu kini saya sudah mempunyai kilang pemprosesan hasil tenusu bagi produk susu kambing segar, susu kambing berperisa dan minuman kultur susu kambing atas jenama Salleh Dairy Farm.

"Menerusi bantuan GAM sebanyak RM15,000 untuk membeli peralatan pemprosesan susu yang diterima pada awal tahun ini, kerja memproses susu kambing lebih mudah. Ia

sangat membantu menghasilkan lebih banyak produk bagi memenuhi permintaan pasaran di kawasan ini terhadap susu kambing," katanya.

Pengusaha tanaman cendawan tiram kelabu di Kampung Lubuk Sipat Benut, Mohd Syazwan Zainal Abidin, 22, bermula daripada hanya 10 bongkah cendawan sahaja.

Selepas melihat potensi tanaman cendawan, dia mengambil langkah menambah bongkah cendawan kepada 7,000 dan sekarang sudah ada 30,000 bongkah cendawan.

"Tidak hanya bergantung kepada jualan cendawan segar, produk hiran berasaskan cendawan iaitu cendawan crispy dan keju turut diusahakan ahli keluarga menerusi platform atas talian. Bantuan GAM yang diberikan dalam bentuk peralatan

menanam dan rumah cendawan amat membantu," katanya.

Pengusaha tanaman nanas di Kampung Parit Panjang Ayer Baloi, Mohd Syazwan Abdul Rahaman, 21, berkata, dia bermula pada tahun 2015 dan ketika itu sekadar bantu ayahnya menanam nanas.

"Tetapi kini saya melakukannya secara sepenuh masa. Saya melihat tanaman nanas cukup berpotensi untuk dipasarkan. Selain boleh menghasilkan produk minuman dan jem, ladang nanas juga boleh dijadikan sebagai lokasi pelancongan.

"Bidang tanaman nanas ini sebenarnya mampu memberikan pulangan lumayan jika diusahakan bersungguh-sungguh. Malah LPNM juga sering memberikan bantuan dan khidmat nasihat sekiranya diperlukan," katanya.



AZULITA



Mohd Salehuddin (diri) menunjukkan kambing tenusu kepada Ahmad (tengah) dan Azulita (kanan) di Kampung Parit Ismail, Benut, Pontian pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	SINAR AHAD	MUKA DEPAN	1

'DAGING KARPET MERAH' BONGKAR RAHSIA KARTEL



Pegawai penguat kuasa memeriksa kotak-kotak yang mengandungi daging sejuk beku ketika serbuan ke atas sebuah gudang di Senai, Johor Bahru pada 1 Disember lalu.

KARTEL penyeludupan daging sejuk beku dari sumber tidak sah sebelum membungkusnya sebagai daging halal dipercayai menggunakan kod rahsia 'daging karpet merah' bagi membolehkannya lolos dengan mudah daripada pemeriksaan pihak berkuasa.

Menurut sumber, kartel tersebut telah 'membayar' beberapa kakitangan kerajaan termasuk pegawai agensi tertentu terlebih dahulu bagi memastikan daging sejuk beku berkenaan melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Daging sejuk beku yang dilabel sebagai 'daging karpet merah' itu akan menggunakan laluan VIP dan bayaran secara tunai akan dibuat kepada kakitangan yang bertugas di situ oleh kartel yang begitu arif dengan operasi di pelabuhan.

Kartel itu juga cukup licik memalsukan borang K8, iaitu kebenaran untuk transit barangan dagangan dari satu zon bebas ke zon bebas yang lain dan borang K1 iaitu pengisytiharan dagangan import yang dibawa keluar dari zon bebas ke kawasan utama kastam.

Tubuh RCI siasat kartel seludup daging haram **3**

Menjamin daging halal untuk rakyat **4**

Gudang kartel diserbu susulan pendedahan *Sinar Harian* **6**

2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	SINAR AHAD	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	2

Istilah daging 'karpét merah'

Temui bukti kukuh kesalahan, SPRM siasat penguat kuasa bersekongkol dengan kartel

Oleh IZWAN ROZLIN

SHAH ALAM

Rampasan 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta dibungkus semula dengan kotak berlogo halal palsu di Senai, Johor baru-baru ini mempunyai bukti kukuh bahawa kegiatan kartel dibantu anggota penguat kuasa termasuk kakitangan awam yang korup.

Ia terbukti apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor sudahpun membuka kertas siasatan berhubung isu penyeludupan daging sejuk beku secara tidak sah di negeri itu.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan kesemua pihak dimohon tampil memberikan maklumat.

Untuk makluman pembaca *Sinar Harian*, sejak hari pertama serbuan bersepadu oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIN) diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di gudang kartel berkenaan, SPRM sudah pun menghantar pasukannya ke sana.

Tindakan itu diambil kerana terlalu banyak persoalan timbul mengenai bagaimanakah daging-daging haram tersebut



Pihak berkuasa menunjukkan cop, pelekat logo halal yang palsu yang digunakan kartel daging sejuk beku.

yang dibawa dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya, dengan mudah membolosi pintu masuk utama sempadan negara.

Menurut sumber, kebarangkalian berlakunya korupsi dalam kalangan pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengawal pintu masuk negara apabila bersekongkol dengan kartel untuk melepaskan daging-daging haram itu tanpa mengikut peraturan ketika pemeriksaan adalah amat tinggi.

Bagi kes penyeludupan daging sejuk beku tersebut, ia diistilahkan sebagai 'daging karpét merah', merujuk kepada daging atau barangan seludup yang sengaja dilepaskan masuk ke negara kerana penguat kuasa mahupun penjawat awam



Pihak JAIN melihat label logo halal yang dicetak di gudang kartel daging sejuk beku di Senai, Johor baru-baru ini.

yang bertanggungjawab sudah dikawal oleh kartel-kartel terbabit.

Difahamkan, aktiviti penyeludupan daging karpét merah bukanlah isu baharu, tapi sudah lama berlaku dan pegawai atau anggota yang menjaga talian hayat kartel itu akan mendapat upah berlipat kali ganda khususnya yang bertugas di pelabuhan utama negara.

Berkenaan dengan kaedah penyeludupan di pintu masuk negara, kartel begitu arif dengan operasi pelabuhan termasuk aktiviti penugasan anggota penguat kuasa bagi melepasi kawalan pemeriksaan dibantu oleh 'orang dalam'.

"Kartel ini cukup licik memalsukan dokumen atau borang K8 iaitu kebenaran untuk transit barangan dagangan dari satu zon bebas ke zon bebas yang lain melalui kawasan utama kastam dan borang K1, pengisytiharan dagangan import yang dibawa keluar dari zon bebas ke kawasan utama kastam.

"Malah perancangan rapi diatur termasuk kontena membawa barang seludup itu akan melalui laluan 'VIP' bagi melepasi pemeriksaan seterusnya bayaran secara tunai dibuat kepada kakitangan yang bertugas di situ," kata sumber itu.

Sogokan lumayan

Sogokan menerusi pemberian wang tunai, percutian ke luar negara menjadi hadiah kepada penguat kuasa dengan syarat barangan diimport yang melanggar peraturan boleh lepas masuk seterusnya boleh diedarkan ke pasaran tempatan.

Bagi kes di Johor, syarikat terbabit masih disiasat kerana setakat ini jelas ia menggunakan sebuah syarikat pengimport buah-buahan tetapi menggunakan beberapa nama syarikat tempatan sebagai proksi untuk mengimport daging sejuk beku secara tidak sah.

Hasil siasatan turut mendapati syarikat-syarikat proksi menggunakan nama syarikat milik bumiputera bagi mengaburi mata pihak berkuasa, malah nama pemilik juga dipalsukan.

Apa yang berlaku, kegiatan yang dinyatakan langsung tiada kaitan dengan pengimportan bahan itu.

Menurut sumber lagi, tindakan mewujudkan syarikat proksi bertujuan meyakinkan pemborong termasuk pasar raya besar bahawa produk daging sejuk beku yang mereka bekalkan adalah daripada sumber halal sekali gus meyakinkan pengguna beragama Islam.

"Hasil siasatan pihak berkuasa mendapati, harga murah mendorong kartel menyeludup daging sejuk beku yang diragui status halal demi keuntungan besar," katanya.

Menurut sumber Maqis, beberapa prosedur operasi standard (SOP) perlu dilalui syarikat pengimport sebelum produk khususnya yang berasaskan pertanian dan makanan dibawa ke negara ini.

Antaranya produk terbabit perlu direkodkan dalam borang pengakuan barang-barang diimport, selain perlu ada permit import, sijil kesihatan, sijil halal, sijil negara asal, invoice, *bill of lading* serta senarai pembungkusan.

Meskipun ia sudah diluluskan pada tahap itu, barangan terbabit masih perlu diperiksa secara fizikal termasuk maklumat komoditi, suhu, rumah sembelih, tarikh luput, keadaan fizikal barangan.

Apapun akhbar ini selaku media pertama yang mendedahkan kegiatan haram itu, melakukan siasatan dan *follow-up* seterusnya membawa kepada hasil serbuan di Senai, Johor pada 1 Disember lalu.

Diharapkan pihak berkuasa khususnya Maqis, kastam, KPDNHEP, Jakim serta Jabatan Agama Islam negeri untuk terus berganding bahu memastikan kartel seludup daging sejuk beku terus dikedang.

Kerja keras SPRM ditagih bagi menyasat dan mengheret pengkhianat negara yang menjadi duri dalam daging ke muka pengadilan.

JADUAL WAKTU SOLAT		Sinar					
	SABTU	SYUKR	ZAHAR	ASAR	MAGHRIB	ISTIAK	
PERIS	6:13	7:28	1:21	4:43	7:14	8:29	
ALOR SETAR	6:13	7:25	1:21	4:42	7:14	8:29	
PULAU PINANG	6:12	7:23	1:21	4:43	7:16	8:30	
IPOH	6:09	7:20	1:20	4:43	7:15	8:30	
KOTA BHARU	6:06	7:19	1:15	4:36	7:07	8:17	
KUALA TERENGGANU	6:00	7:14	1:11	4:32	7:04	8:19	
KUANTAN	5:56	7:11	1:12	4:35	7:09	8:24	
ISMAILIAH/PUS-PUTRAJAYA	6:04	7:15	1:17	4:40	7:14	8:29	
SHAH ALAM	6:04	7:14	1:17	4:40	7:14	8:29	
SEREMBAN	6:00	7:14	1:15	4:39	7:14	8:29	
BANGOR MELAKA	5:59	7:13	1:15	4:38	7:13	8:29	
JOHOR BAHRU	5:51	7:06	1:09	4:32	7:08	8:23	

Sumber daripada portal www.e-solat.gov.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	SINAR AHAD	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	3

SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU



Gesa tubuh RCI siasat isu kartel daging

Kembalikan keyakinan rakyat dalam melindungi kesucian Islam di Malaysia

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Kerajaan digesa menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat isu kartel daging secara menyeluruh hingga ke akar umbi.

Presiden Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Leftenan Kolonel (B) Che Hassan Che Johan berkata, isu penggunaan logo halal secara tidak sah oleh peniaga tamak yang bersubhat dengan pihak penguat kuasa adalah perkara serius dan tidak boleh dianggap remeh.

Beliau juga memohon Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyiasat segera untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kesungguhan kerajaan melindungi kesucian agama Islam di Malaysia.

Turut dipersoalkan adalah kewibawaan hub halal yang pernah diperjuangkan seolah-olah sudah 'mati' kerana dipermainkan oleh



Salah satu gudang simpanan daging sejuk beku tidak permit berjaya dibongkar pihak berkuasa di Johor baru-baru ini.

pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Adakah maruah bangsa dan agama kita bogelkan semata-mata kerana ketamakan peniaga dan pihak yang tidak bertanggungjawab?"

"PPMM mendesak kerajaan menahankan pengkhianat negara dan agama ini untuk dihukum," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Senada dengan PPMM, Pertubuhan Kebajikan Anak Bersatu Selangor (PKABS) sebulat suara bersetuju sekiranya kerajaan mewujudkan RCI menyiasat isu kartel daging sejuk beku itu.

Pengerusinya, Rahmadin Alimuddin berkata, siasatan juga dapat memastikan pembekal yang terlibat mengikut piawaian sebelum menjualnya di pasaran.

"Saya berharap pihak yang menyiasat isu ini berlaku adil supaya rakyat Malaysia tidak ragu dengan

daging beku di pasaran," katanya.

Terdahulu, Rahmadin dan Presiden Gagasan Baru Harapan Malaysia (GBHM), Mohd Zulfetri Mohd Basir menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) siasatan berkenaan kes kartel daging import haram di Senai, Johor baru-baru ini.

Sinar Harian pada awal bulan ini mendedahkan kegiatan kartel menyeludup daging sejuk beku haram dari luar negara sebelum membungkus semula dengan label serta cap palsu dan menjualnya dalam pasaran negara ini.

Kegiatan itu kemudian diserbu dalam operasi bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor pada 1 Disember lalu yang diketuai Jabatan Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor bersama agensi penguat kuasa lain.

Wujud konsortium bekal daging halal, kata PPIM

SHAH ALAM • Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mencadangkan supaya beberapa syarikat besar bergabung sebagai sebuah syarikat konsortium untuk bergerak atas dasar kepentingan Islam bagi menjamin bekalan daging halal.

Pengerusinya, Datuk Nadzim Johan berkata, konsortium itu boleh menjadi pusat sehati untuk pembekal daging mendapatkan daging yang semestinya disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Menerusi penubuhan konsortium itu nanti, kerajaan juga boleh membantu dengan menyediakan dana untuk peladang tempatan membela lembu mereka bagi mengurangkan import dari luar negara yang dapat mengurangkan risiko kemasukan daging haram ke Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Nadzim bersetuju dengan cadangan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu kartel daging yang menggemparkan negara ketika ini.

Sementara itu, Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan kakitangan kerajaan terlibat dengan kartel import daging yang melakukan pemalsuan logo halal sebagai mudah dibeli.

Tegas beliau, kakitangan terbabit telah mengabaikan tanggungjawab kepada negara dan rakyat sekali gus merosakkan kepercayaan umum terhadap institusi yang terlibat.

"Skandal ini ternyata telah merobek reputasi dan imej institusi itu yang diamanahkan memulia dan meningkatkan darjat Islam," katanya.



NADZIM

Teliti salah laku proses import daging, kata Zulkifli

KUALA LUMPUR - Sebarang salah laku dalam proses mengeksport daging halal untuk pasaran tempatan perlu diteliti dan diperbetulkan semula.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, kementerianya bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan membuat pemantauan dari masa ke masa selain menyemak bagaimana syarikat terbabit mendapat kelulusan.

Kata beliau, dua perkara utama yang perlu diambil kira iaitu undang-undang dan pengesahan Jakim.

"Apabila menyalahi undang-undang, maka salahlah dan perlu diperbetulkan.

Kita di Malaysia ada Jakim tetapi tidak melantik atau mengiktiraf (halal) di luar sana.

"Isu kedua pula, ada perkara yang tidak perlu kepada halal Jakim sebagai contoh apabila membabitkan sembelihan korban, kita tidak perlu dapatkan pengesahan Jakim," katanya ketika sidang akhbar selepas program penyampaian sumbangan barangan makanan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di sini pada Sabtu.

Bagaimanapun kata Zulkifli, sijil halal Jakim diperlukan sekiranya membabitkan jumlah sumber daging yang banyak seperti sektor perhotelan bagi mengelakkan kekeliruan.

Ketika ditanya bagaimana kerajaan dapat memberi jaminan mengenai daging import yang halal, Zulkifli berkata, orang ramai boleh merujuk senarai kilang halal yang dikeluarkan oleh Jakim.

Beliau berkata, isu proses pengimportan daging yang membabitkan agensi lain juga diperjelaskan melalui Facebook dan laman sesawang kementerian.

"Bukan semua produk import itu tidak halal, malah ada yang sudah dikenal pasti mematuhi pensijilan halal.

"Orang ramai boleh merujuk senarai rumah abatoir dan loji pemprosesan luar negara yang diiktiraf kerajaan Malaysia menerusi laman www.dvs.gov.my," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	SINAR AHAD	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	4

Menjamin daging halal untuk rakyat



PENULIS TAMU
DATUK SALLEH BUANG

Pertama kali dunia dikejutkan dengan skandal daging sejuk beku berlaku pada tahun 2013 apabila daging kuda, yang dicampur dengan daging lembu dipasarkan di Eropah, mulai di Ireland dan kemudian United Kingdom.

Kajian oleh pakar pemakanan membuktikan kewujudan DNA kuda dalam produk makanan burger daging yang dijual di pasar raya kedua-dua negara tersebut sebagai *pure beef* (lembu sepenuhnya).

Siasatan selanjutnya mendedahkan bahawa daging kuda itu berasal dari pusat sembelihan di Romania, dikendalikan oleh dua syarikat berpangkalan di Cyprus dan Belanda, yang kemudian telah membungkus semula dan melabelkannya sebagai daging lembu.

Pada tahun 2017, timbul pula skandal daging rosak dari Brazil. Kerajaan Indonesia dan Vietnam selari membuat peraturan baru mengharamkan pengimportan semua produk daging dari negara Amerika Selatan itu selepas siasatan ke atas 21 syarikat pengeksport daging di Brazil mendedahkan mereka telah memalsukan tarikh tamat tempoh penggunaan daging, dan mencampurkan daging dengan bahan kimia.

Tindakan yang sama diambil oleh Kesatuan Eropah, China, Chile, Hong Kong, Jepun, Switzerland, Mesir, Arab Saudi, Mexico dan Jamaica.

Bagaimanapun, pada 23 Mac 2017 *Astro Awani* melaporkan bahawa daging import dari Brazil yang ada dalam pasaran negara ini bebas daripada skandal daging tercemar yang berlaku di negara itu.

Menteri Penasihat di Kedutaan Brazil di Malaysia, Daniel Falcon Lins, mengesahkan tiada satu pun daripada 21 kilang pemrosesan yang terlibat dalam skandal itu, diberi kebenaran untuk mengeksport produknya ke Malaysia.

Terbaru, kita dikejutkan dengan berita kegiatan kartel haram yang mendalangi penyeludupan daging import dari



Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas berhubung isu daging yang dilabelkan sebagai halal walaupun tiada pengesahan daripada pihak berkuasa.

negara sumber tidak sah termasuk sumber yang diragui status halalnya. Kartel ini dipercayai telah mendapatkan 'kerjasama' beberapa kakitangan kerajaan untuk membenarkan kemasukan daging tersebut ke negara ini.

Siasatan

Siasatan awal menunjukkan bahawa kartel ini ada 'orang dalam' yang bertugas di semua peringkat pemeriksaan di pintu masuk negara, menyebabkan mereka mampu beroperasi sejak sekian lama.

Kita difahamkan kerajaan Malaysia telah meluluskan 28 pusat sembelihan lembu di Australia, New Zealand, Argentina, Brazil, Pakistan dan Afrika Selatan, selain 11 rumah sembelih kerbau dari India dan Pakistan.

Semua pusat sembelihan itu telah menjalani pemeriksaan audit oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum diberikan kelulusan.

Selain itu, ada beberapa agensi lain yang ditugaskan mengawal selia urusan import bekalan daging ke negara ini, termasuklah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MaqPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta Polis Pelabuhan.

Dengan adanya semua warga kerja pelbagai agensi itu, sepatutnya kartel haram itu tidak boleh wujud, apatah lagi subur dan terus berkembang. Malangnya, ia boleh berlaku

disebabkan rasuah.

Kartel haram ini dipercayai mendapatkan bekalan daging dari pusat sembelihan di beberapa negara. Untuk memudahkan aktiviti mereka menyeludup bekalan daging dari negara tidak diiktiraf ini, kartel telah membina rangkaian hitam mereka awal-awal lagi, memabitkan penjawat awam dalam agensi tertentu di negara ini.

Laporan media pada 21 Disember lalu menyatakan



Barangkali sampai masanya kita mempermudah, menyelaras dan menyatukan undang-undang negara kita mengenai isu pengimportan, pengedaran dan penjualan daging halal ini dalam satu akta khusus. Indonesia nampaknya telah mendahului kita dengan mewujudkan Undang-Undang Tentang Jaminan Produk Halal (No. 33 Tahun 2014), yang mengandungi 69 pasal."

bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka kertas siasatan (dengan kerjasama beberapa agensi awam lain) menentang kegiatan penyeludupan daging import oleh kartel di bawah seksyen 16 (kesalahan menerima suapan) dan Seksyen 18 (kesalahan memperdayakan prinsipal oleh ejen) Akta SPRM 2009.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee memberitahu media pihaknya tidak



Muka hadapan Sinar Harian pada 2 Disember 2020 mengenai serbuan pihak berkuasa ke atas gudang kartel daging sejuk beku di Senai, Johor.

akan teragak-agak mengantung permit import (AP) mana-mana syarikat yang terlibat dalam kegiatan kartel haram ini.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pula menggesa kerajaan menarik semula daging beku import yang ada dalam pasaran kerana khuatir pengguna Islam tanpa sedar akan membeli dan memakan daging yang tidak halal.

Gesaan CAP ini dibuat ekoran tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta dari sebuah gudang simpanan di Senai, Johor.

gangan (Sijil dan Logo Halal) 2011, bagi kes-kes mengenai sijil halal atau pemalsuannya.

Bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan produk makanan itu, tindakan boleh dijalankan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Bagi kes-kes melibatkan pengimportan daging dari luar negara, undang-undang berkaitan adalah Akta Kastam 1967 dan Perintah Kastam (Larangan Import) 1998.

Barangkali sampai masanya kita mempermudah, menyelaras dan menyatukan undang-undang negara kita mengenai isu pengimportan, pengedaran dan penjualan daging halal ini dalam satu akta khusus.

Lapan tahun lalu sewaktu Malaysia menganjurkan Persidangan Halal Antarabangsa di Kuala Lumpur pada 2012, sudah ada cadangan supaya diwujudkan satu Suruhanjaya Halal (Halal Commission) sebagai sebuah badan pengawal yang punya kuasa mengawal selia, memantau, menyasat dan menjalankan prosiding jenayah ke atas mana-mana pihak yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang negara ini.

Indonesia nampaknya telah mendahului kita dengan mewujudkan Undang-Undang Tentang Jaminan Produk Halal (No. 33 Tahun 2014), yang mengandungi 69 pasal. Di bawah pasal 57, mana-mana pihak yang melanggar atau ingkar mematuhi undang-undang ini boleh dihukum penjara dua tahun atau denda 'dua miliar rupiah'.

*Profesor Datuk Dr Salleh Buang ialah bekas Pegawai Persekutuan dan Pakar Undang-Undang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	SINAR AHAD	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	6

Pendedahan *Sinar Harian* bawa kepada serbuan gudang kartel daging sejuk beku haram



Analisis BERITA

IZWAN ROZLIN

Rakyat Malaysia gempar isu daging import haram

Pendedahan eksklusif *Sinar Harian* melalui laporan khas pada 23 November lalu berkaitan kegiatan syarikat ejen fret (*freight forwarder*) yang menguruskan proses import daging sejuk beku halal menyeludup daging secara haram ke Malaysia membuka mata banyak pihak.

Pembongkaran tersebut sekali gus membawa kepada tindakan pihak berkuasa menyerbu sebuah gudang membekal daging sejuk beku di Senai, Johor pada 1 Disember lalu.

Selepas mendapat maklumat mengenai satu operasi yang akan diadakan di Johor hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), team Meja Jenayah *Sinar Harian* yang diketuai Izwaz Rozlin dan wartawan Muhammad Afham Ramli segera bertolak ke negeri di selatan Semenanjung itu pada pagi Isnin, 1 Disember lalu.

Kami diminta ke lokasi serbuan di kawasan Ulu Tiram sebaik tiba di Johor Bahru kira-kira jam 10 pagi.

Hasil pemeriksaan awal di premis pengedar daging sejuk beku di situ menemukan petunjuk ke satu lagi lokasi di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru.

Sebaik menerima maklumat itu, Maqis dan beberapa agensi penguatkuasaan lain termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) segera menyerbu lokasi berkenaan.

Hasil pemeriksaan mendapati, gudang tersebut dijadikan tempat pengumpulan daging sejuk beku seludup yang diragui status halalnya.

Kisah kartel daging sejuk beku itu kemudian terbongkar satu demi satu apabila hasil pemeriksaan mendapati



Pegawai operasi melakukan pemeriksaan kandungan di kotak bertel daging sejuk beku yang dteuragai sumber halalnya di sebuah gudang kartel daging sejuk beku di Senai, Johor.

gudang yang sudah beroperasi sejak sekian lama itu bertindak 'jahat' membungkus semula daging-daging yang diseludup menggunakan cop dan label tanda halal yang dipalsukan.

Pembekal utama

Sinar Harian yang berkampung selama lima hari di gudang berkenaan turut terlibat sendiri bagaimana keseluruhan gudang disita dan dikawal ketat selama 24 jam oleh anggota penguat kuasa dengan dibantu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Lebih mengejutkan, gudang yang dianggarkan menyirupan 1,500 tan daging sejuk beku bernilai RM30 juta itu adalah pembekal utama kepada pemborong daging sejuk beku seluruh Malaysia.

Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi mengesahkan daging sejuk beku berkenaan diimport dari Brazil, Ukraine, Argentina dan China.

Maqis mengesan kartel berkenaan turut menciplak tiga jenama popular daging dari Australia.

Tindakan licik itu dikesan hasil penemuan kotak-kotak yang ditempek kartel dari sebuah premis lain dengan meniru jenama terbabit seolah-olah ja tulen.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Zulkifli Mohamed Al-Bakri pada satu sidang akhbar berkata, pemantauan ketat perlu dilakukan bagi mengelak pihak tertentu mengambil kesempatan menyalahguna cop halal.

Pengarah KPDNHEP Putrajaya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman pula mengesahkan, siasatan mendapati sebanyak 30 pusat pengedaran mempunyai kaitan dengan gudang yang diserbu dan tindakan diambil mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011.

Dalam pada itu, Menteri KPDNHEP, Alexander Nanta Linggi dalam satu ke-

nyataan mengarahkan kesemua cawangan KPDNHEP di seluruh negara untuk melakukan pemeriksaan bersepadu dengan Jabatan Agama Islam terhadap produk daging sejuk beku.

Beliau berkata, surat arahan berhubung perkara berkenaan sudah pun dikeluarkan kepada penguat kuasa KPDNHEP di setiap negeri.

Malah, PDRM memaklumkan mengenali pasti beberapa negeri yang dijadikan lokasi penyeludupan masuk daging sejuk beku.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Rahim Jaafar pula berkata, antara negeri yang dikesan menjadi akses utama daging sejuk beku haram dibawa masuk ialah melalui Kelantan, Johor dan Sarawak.

Bagi kes di Johor, daging sejuk beku dikesan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas.

Untuk isu ini, kastam telah menyemak Borang Kastam 1 (BK1) dan mendapati dua pengimportan daging sejuk beku dari syarikat yang diragui melalui Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang, Selangor.

Setelah dirujuk dengan Maqis, sejumlah 90 peratus daging sejuk beku berkenaan sebenarnya tidak dibenarkan masuk ke Malaysia kerana ia larangan mutlak susulan datang dari negara 'larangan'.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya menerima tiga laporan kes daging sejuk beku haram oleh pihak KPDNHEP dan sedia bekerjasama melancarkan proses sitaan dan keselamatan.

Gudang kartel proses daging babi

PEMBONGKARAN *Sinar Harian* di Johor menemui satu lagi kejutan apabila siasatan Jabatan Agama Islam Johor (JAINJ) menemukan resit penghantaran bagi membawa keluar organ dalaman iaitu perut babi dari premis berkenaan bertarikh 5 November lalu.

Dokumen itu ditemui ketika pemeriksaan rapi diumumkan ke atas beberapa dokumen penting syarikat itu.

Tulisan berkenaan ditulis dalam bahasa Mandarin serta tertera perkataan dalam bahasa Melayu bertulis 'perut babi' berjumlah 50 kotak dengan anggaran keseluruhannya seberat satu tan.

Selain itu, siasatan menemui daging itik dan kaki angsa yang dibawa

masuk dari Perancis, manakala terdapat daging sejuk beku lain dibawa masuk dari United Kingdom, Itali, Belgium dan Sepanyol berdasarkan tag dan label pada kotak.

Exco Hal Ehwal Agama Islam Johor, Tosrin Jarvanthi yang hadir meninjau ke gudang berkenaan menyifatkan isu berkenaan serius dan pihaknya menerusi JAINJ sedang merangka aplikasi direktori halal untuk memudahkan pengguna Islam dan bukan Islam mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk yang hendak dibeli.

Retentian itu, pada 4 Disember lalu, pengurus gudang daging sejuk beku itu ditahan oleh penguatkuasa kastam bagi membantu siasatan.



Ketua Meja Jenayah/Mahkamah *Sinar Harian*, Izwaz Rozlin (tiga dari kiri) dan wartawan Muhammad Afham Ramli (kiri belakang) bersama pasukan pihak berkuasa pelbagai agensi yang terlibat dalam serbuan di sebuah gudang kartel daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor pada 1 Disember lalu.

SINAR AHAD • 27 DESEMBER 2020

SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU **Sinar** Ahad

KRONOLOGI ISU KARTEL SELUDUP DAGING SEJUK BEKU TAHUN 2020

23 November SHAH ALAM

- Sinar Harian mendedahkan syarikat ejen fret (freight forwarder) yang menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal ambil jalan mudah seludup daging sejuk beku yang diragui status halalnya.
- Menurut sumber, rangkaian karTEL daging sejuk beku di sejumlah weng kepada penguat kuasa yang menyela keluar masuk kontena di pelabuhan utama negara bagi membolehkan daging dibawa ke gudang simpanan.
- KarTEL turut menggunakan syarikat proksi yang mendedahkan daging sejuk beku halal untuk mengaburi pihak berkuasa, pemborong dan pasar raya.

KUALA LUMPUR

- Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nedzmi Johan mengemukakan maklumat berkaitan pengimportan daging sejuk beku.

24 November PUTRAJAYA

- Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ewhal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman sedia menyiasat dalawaan terbahari di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

25 November PUTRAJAYA

- Pengarah Maqis, Saiful Yazan Awai mencebap mana-mana pihak yang ada maklumat berkaitan kedrifsan, pegawai dan anggotanya agar melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Pengagahan Rasuah Malaysia (SPRM).

26 November KUALA LUMPUR

- Penganalisis Jansyah, Kamal Affandi Hashim berkata, pihak berkuasa perlu semak dan siasat terhadap semua pengimport daging sejuk beku dari luar negara kerana isu ini amat sensitif kepada pengguna Islam.

27 November KUALA LUMPUR

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar memekulkan kesesakan daging lembu sejuk beku secara haram ke Malaysia boleh memudaratkan kesihatan pengguna.

1 Disember JOHOR BAHRU

- Serbuan ke atas sebuah gudang karTEL daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai di sini menemuken sejumlah 1,500 tan daging bernilai RM30 juta, pengurus gudang ditahan bantu siasatan.
- Gudang turut dikawal ketat 24 jam oleh anggota dan pegawai penguat kuasa.

2 Disember JOHOR BAHRU

- Anggota SPRM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyiasat sebuah gudang di Taman Perindustrian Senai di sini.

3 Disember PUTRAJAYA

- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Zulkafli Mohamad Al-Bakri menegaskan, pemantauan ketat perlu dilakukan bagi mengelak penyelalnggunaan cop halal.
- Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengarahkan semua cawangan KPDNHEP di seluruh negara melakukan pemeriksaan bensepodu dengan Jabatan Agama Islam terhadap produk daging sejuk beku.

4 Disember PUTRAJAYA

- Pengarah KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman mengesahkan bahawa sebanyak 30 pusat pengedaran ada kaitan dengan gudang yang diserbu di Senai, Johor.
- Siasatan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menemui resit penghantaran membawa keluar organ dalaman lalat perub babi dari premis berkenaan bertarikh 5 November 2020.

5 Disember KUALA LUMPUR

- Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Kewarntaraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Rahim Jasfar berkata, ekses utama daging sejuk beku haram melalui Kelantan, Johor dan Sarawak.

PUTRAJAYA

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bekerjasama pentau isu karTEL daging haram dan penjualan daging sejuk beku di Malaysia.

6 Disember JOHOR BAHRU

- Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khen Mydin Pitchay mengesahkan menerima tiga laporan kes daging sejuk beku.

11 Disember PUTRAJAYA

- Dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Gagasan Baru Harapan Malaysia (GBHM) dan Pertubuhan Kabilangan Anak Benasar Selangor menyerahkan memorandum kepada SPRM mengesahkan menyeluruh kes karTEL daging import haram di Senai, Johor.

19 Disember HALU TERENGGANU

- Nama sebuah syarikat tempelan disyaf terbit karTEL daging haram akan chedekahkan selepas proses pendawaan minggu depan, menurut Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

21 Disember JOHOR BAHRU

- SPRM Johor membuka kertas siasatan berhubung karTEL pemalsuan logo halal melibatkan daging import untuk pasaran Malaysia.
- Siasatan mengikut Seksyen 18 dan seksyen 18 Akta SPRM 2009.

22 Disember 2020 KUALA LUMPUR

- KPDNHEP nafi kegiatan karTEL daging halal palsu telah wujud di Malaysia sejak 40 tahun lalu.



Muka depan Sinar Harian pada 2 Disember lalu mengenai serbuan pihak berkuasa ke atas gudang karTEL daging sejuk beku di Senai, Johor

Muka depan Sinar Harian pada 3 Disember lalu berhubung gudang karTEL dikawal 24 jam oleh penguat kuasa.

Muka depan Sinar Harian pada 4 Disember lalu mengenai kesesakan kesesakan pemanggi daging cetuhap tidak halal.

21st CENTURY • 21st CENTURY • 21st CENTURY • 21st CENTURY

Laman Web : www.21century.com.my KODJU No: 2333/0818
 dan melalui laman produk cold

PRODUK BERKUALITI
 DIBAWA TERUS DARI (BU) PELAJAR KAMI DI USA

Di 21st Century, keserasan kualiti diutamakan. Setiap produk adalah hasil dari kajian dan penyelidikan lanjut untuk menghasilkan produk berkualiti tertinggi. Dengan terus dari (BU) Pelajar di Tempa Atlanta, USA ke pengedaran di seluruh negara. Produk 21st Century adalah pilihan terbaik untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan yang bermakna.

PSYLLIUM CLENZ 500MG CAPSULE
 Diperbuat daripada biji Psyllium asli & semulajadi. Ia selamat dan sesuai digunakan untuk semua jenis, semua usia dan semua jenis. Digunakan secara tradisional untuk membantu melegakan sembelit. Tidak seperti laxatif, Psyllium membantu usus dengan lembut dan sesuai untuk kesihatan jangka panjang.
 30 kapsul setiap RM 22.95

HERBAL HAIR PLUS
 Herbal Gumpalan yang mengandungi Kelu, Sage, Fo-Ti, Oil Rose, Rosemary, Horsetail & Olive Oil untuk Zait Nutrien. Digunakan secara tradisional untuk meningkatkan rambut yang hilang.
 30 kapsul setiap RM 22.95

VEGESAMINE 500MG
 Tablet kapsul sayuran mengandungi 500mg Glucosamine HCL yang diperbuat daripada daging dan buahan diperkaya dengan Rosemary tambahan untuk osteoarthritis. Membantu meredakan semua jenis rawan & pulvér sendi.
 30 kapsul setiap RM 22.95
 120 kapsul setiap RM 59.95

EYEBRIGHT COMPLEX
 Mengandungi Lutein, Eyebright, Bilberry & Ginkgo Biloba. Digunakan secara tradisional untuk meningkatkan kesihatan mata dan meningkatkan prestasi.
 30 kapsul setiap RM 22.95

GINKGO BILOBA 2500MG
 Herba berakar yang digunakan secara tradisional untuk membantu meningkatkan peredaran darah.
 30 kapsul setiap RM 22.95
 60 kapsul setiap RM 42.95
 120 kapsul setiap RM 79.95

CO-ENZYME Q10 60MG
 Co-Enzyme Q10 ialah sejenis vitamin, essential atau asas untuk semua. Khasiatnya tinggi, sangat bermanfaat bagi kesihatan umum. Digunakan di dalam badan, Nutrien ini dipanggil "Mitochondrial" dan biasanya juga sebagai "ubiquinone". Co-Enzyme Q10 digunakan untuk membantu pengaliran tenaga.
 30 kapsul setiap RM 42.95
 60 kapsul setiap RM 79.95
 120 kapsul setiap RM 129.95

ELASTIN COLLAGEN 600MG
 Elastin Collagen membantu membaiki dan menguatkan kulit.
 30 kapsul RM 32.95

ONE-A-DAY MULTIVITAMINS
 Memenuhi semua multivitamin dan mineral yang diperlukan. Mengandungi Zinc, Iron, Lactidin dan Lysozin yang sangat bermanfaat untuk meningkatkan kesihatan dan tenaga sepanjang hari.
 30 tablet RM 28.95

ROYAL PROPOLLEN
 Dengan kombinasi 3 jenis bahan pemanggi kesihatan: Royal Jelly, Propolis, Bee Pollen, Korean Ginseng dan Vitamin E untuk kesihatan umum.
 30 tablet RM 29.95

SPECTRUM MULTIVITAMINS & MINERALS
 Menyediakan semua vitamin dan mineral yang diperlukan oleh tubuh anda setiap hari.
 30 tablet RM 32.95

GARLIC 20,000MG
 Bawang Putih adalah salah satu tumbuhan keajaiban yang baik di dunia. Ia digunakan sebagai makanan dan sebagai perubatan. Bawang putih ini mengandungi Allicin (sulfid Amino) dan Allylsulfen (Sulfen). Apabila dipotong dan dibincurakan, allicin akan dihasilkan. Allicin berkesan dalam merangsang aliran darah, meningkatkan tekanan darah dan meningkatkan fungsi jantung. Digunakan secara tradisional untuk kesihatan umum.
 30 tablet RM 29.95

Kemudahan dalam membeli produk ini dengan harga yang sangat rendah. Untuk maklumat lanjut, hubungi kami di: 1-800-888-2242 Email: support@21century.com.my

21st CENTURY • 21st CENTURY • 21st CENTURY • 21st CENTURY



Nik Muhammad Zawawi ketika mengadakan lawatan ke kebun sayur yang dulusahkan oleh peladang LPP.



Nik Muhammad Zawawi mencuba jentera untuk melakukan proses penanaman padi.

Jadikan negara sebagai pengeksport makanan

Misi LPP tingkat hasil

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) komited menjadi agensi kerajaan yang mampu mengeluarkan makanan yang mencukupi kepada negara, sekaligus menjadikan negara sebagai pengeksport makanan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Pengerusinya, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, beliau optimis sasaran itu dapat dicapai kerana didorong oleh tindakan kerajaan yang berusaha memastikan pengeluaran hasil tanaman dan penggunaan pelbagai mekanisme serta automasi yang mampu meningkatkan hasil pertanian.

Menurutnya, ia termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti sistem pengairan dan saliran, teknologi yang bersesuaian dan sebagainya.

Katanya, beliau mahu peladang bangkit untuk menjadikan LPP sebagai organisasi yang mampu membangunkan ahli yang berdikari ke arah kemajuan ekonomi sehingga mampu berdiri tanpa bantuan dan subsidi daripada kerajaan.

"Kalau kita lihat keadaan di rantau ASEAN, negara-negara jiran memberi nilai bantuan dan subsidi yang sangat kecil tetapi masyarakat peladang mereka mampu mengeluarkan pertanian lebih baik berbanding dengan hasil pertanian di negara kita.

"Saya merasakan sudah tiba masanya masyarakat peladang kita dapat menjadikan

situasi itu sebagai cabaran untuk meningkatkan kualiti dan jumlah penghasilan pertanian negara kita," katanya.

Nik Muhammad Zawawi berkata, kerajaan juga begitu komited menyediakan prasarana yang baik untuk pertanian.

"Kami berkeyakinan tinggi bahawa petani akan menyambut baik kemudahan yang diberikan kepada mereka dan akan bekerja keras. Pada masa yang sama menjadikan pertanian sebagai perniagaan.

"Sekiranya negara mempunyai bekalan makanan yang mencukupi, kita tidak lagi perlu mengimport makanan dari negara lain," katanya.

Pada tahun 2021, LPP menyasarkan menjadi sebagai institusi berdaya saing dalam sektor agro-

makanan, meningkatkan pengeluaran agromakanan melalui penguasaan rantaian nilai dan khidmat sokongan serta meningkatkan kesejahteraan sosio ekonomi ahli peladang dan usahawan peladang.

RM311.27 juta kepada LPP dalam RMK12

Nik Muhammad Zawawi berkata, sebanyak RM311.27 juta diperuntukkan kepada LPP dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) melibatkan 18 program yang akan memacu melahirkan usahawan peladang yang berjaya.

Menurutnya, peruntukan tersebut akan melibatkan empat bahagian iaitu pengeluaran, mekanisasi dan automasi, padi dan beras dan pembangunan usahawan peladang.

Fasa untuk tingkatkan pengeluaran makanan

Nik Muhammad Zawawi berkata, tahun 2021 adalah fasa meningkatkan pengeluaran makanan.

"Dalam Belanjawan 2021, fokus kerajaan adalah memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan supaya memberi manfaat kepada peladang, penternak dan nelayan.

"Kerajaan telah mengumumkan peruntukan kepada peladang, penternak dan nelayan terutamanya melibatkan sektor komoditi tanaman padi yang memberi manfaat kepada petani dan ahli peladang merangkumi peruntukan berjumlah RM RM570

juta untuk Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)," katanya.

Menurutnya, sebanyak RM960 juta diperuntukkan untuk Skim Subsidi Baja dan Insentif Pengeluaran Padi serta pemberian sebanyak RM40 juta diteruskan bagi penerima Subsidi Baja Padi Bukit di Sabah dan Sarawak yang bakal dimanfaatkan oleh seramai lebih 300,000 orang penerima.

"Selain memberi fokus kepada tanaman padi, kerajaan juga memfokuskan kepada pengeluaran hasil pertanian seperti pelaksanaan projek pertanian organik, program ladang e-sateh, program modenisasi rantaian nilai agromakanan dan kebun komuniti.

"Kerajaan juga memfokuskan pelaksanaan projek pertanian dan penternakan berimpak serta bernilai tinggi, pengembangan akua-kultur dan program pemodenan vessel dan mekanisasi tangkapan," katanya.

Katanya, LPP melihat dua inisiatif utama iaitu projek pertanian organik yang berjumlah RM50 juta dan program ladang e-sateh berjumlah RM10 juta sebagai berita gembira kepada LPP dan keseluruhan masyarakat peladang yang berjumlah hampir 930,000 orang.

"LPP berterima kasih kepada keprihatinan kerajaan membantu meringankan beban masyarakat peladang dalam Belanjawan 2021. Masyarakat peladang akan bersama-sama LPP merealisasikan matlamat kerajaan untuk membangunkan masyarakat peladang, penternak dan nelayan," katanya.



Nik Muhammad Zawawi (dua dari kiri) melihat penanaman nanas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Usahawan muda mampu tingkat pengeluaran nanas

Pontian: Industri pengeluaran nanas negara akan terus dipergiat dan diperkasakan dengan menarik lebih ramai usahawan muda terbabit dalam tanaman komoditi yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh, berkata misi mengandakan hasil pengeluaran nanas negara mampu dicapai dengan pembabitan lebih ramai anak muda bukan sahaja untuk menampung permintaan dari luar negara, malah pada peringkat domestik.

Katanya, pelbagai usaha dilaksanakan dan terus dirangka oleh unit Agropreneur Muda LPNM seperti pemberian geran Program Agropreneur Muda LPNM bagi mencapai matlamat berkenaan, sekali gus menjadikan sektor penanaman nanas moden, dinamik dan progresif.

Beliau berkata, Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diberikan kepada usahawan muda berusia 18 hingga 40 tahun yang terbabit dengan tanaman nanas dalam bentuk barangan seperti input pertanian dan peralatan perladangan.

Katanya, geran RM4.489 juta diperuntukkan sejak 2018 yang membabitkan RM1.42 juta pada 2018, RM1.01 juta pada 2019, manakala RM2.05 juta pada 2020.

Beliau berkata, sehingga kini, 234 usahawan muda nanas dari seluruh negara berjaya dilahirkan yang membabitkan 202 peserta bagi sektor tanaman, manakala 32 peserta bagi sektor industri asas tani.

"Kita (LPNM) harap dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih dan dengan Revolusi 4.0 (IR 4.0) yang boleh diaplikasikan dalam pertanian khususnya untuk tanaman nanas, orang muda akan tampil ke depan dengan membawa pembaharuan bagi membangunkan industri ini.

"Sebanyak 60 peratus daripada pengusahanya ketika ini berusia kira-kira 60 tahun di mana penerimaan dalam kalangan mereka terhadap teknologi agak sukar apabila kebanyakan amalan dalam industri nanas masih konvensional dengan penggunaan buruh.

"Jadi, ini yang kita hendak ubah pembabitan lebih ramai dalam kalangan anak muda mencorakkan pemodenan industri nanas itu sendiri," katanya di Parit Sikom, di sini, baru-baru ini. **BERNAMA**